

# Wanita BSN unggul futsal badan berkanun

**S**KUAD wanita Bank Simpanan Nasional (BSN) muncul juara Kejohanan Futsal Badan Berkanun Malaysia VI selepas mengatasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2-1 pada final yang berlangsung di Langkawi, baru-baru ini.

Persembahan menarik kedua-dua pasukan menyaksikan saingan seimbang di babak awal permainan tapi BSN nyata bijak mencari ruang untuk menghasilkan jaringan kemenangan.

Pada aksi separuh akhir, BSN mengatasi Universiti Malaysia Perlis 2-0 manakala KWSP turut menang

tipis 1-0 ke atas Universiti Putra Malaysia.

Kejohanan Sukan Badan Berkanun terbabit turut menampilkan pertandingan golf, bola tampar pantai, tenis, bola jaring, bowling, bola sepak, mencari harta karun, dart, ping pong dan badminton campuran.

Turut serta ialah pasukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Universiti Darul Iman Malaysia, Agro Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Jumaat, 5 Jun 2009  
metro